



21 JUN, 2020

## 1,801 premis dipantau

Mingguan Sarawak, Malaysia

Page 1 of 2

# 1,801 premis dipantau

---

**ALEXANDRA LORNA**

**KUCHING:** Sehingga kini sebanyak 1,801 premis telah dipantau di seluruh Sarawak bagi pematuhan terhadap Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) bermula 10 Jun hingga 31 Ogos 2020.

Sekretariat Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN) berkata, jumlah tersebut merangkumi pasar raya (219), restoran (341), kilang (24), bank (175), pejabat kerajaan (81), penjaja (22), pasar tani dan awam (83), tempat ibadah (110), tempat

riadah (50), tapak pembinaan (34) dan lain-lain (662).

"Seramai 736 pasukan pematuhan PKPP yang terdiri daripada PDRM (369), ATM (47), RELA (163), APM (96), PBT (53), KKM (4) dan KPDNHEP (4)," katanya.

Beliau berkata demikian dalam kenyataan media laporan harian Covid-19 di Sarawak, semalam.

Beliau berkata, pihak PDRM telah berjaya menangkap dua warganegara Indonesia yang dikesan positif Covid-19 yang cuba melarikan diri dari pihak KKM se-

perti yang telah tular di media sosial semalam.

"Kedua-dua warganegara Indonesia tersebut telah dimasukkan ke Hospital Umum Sarawak untuk menjalani rawatan.

"Selain itu, dua orang lagi telah dikompaun kerana tidak mematuhi SOP di kedai makan dan kedai runcit serbaneka.

"Pihak PGA juga telah menangkap dua orang (seorang warga tempatan dan seorang warganegara Indonesia) semasa Op Benteng dijalankan di kawasan Tebedu," katanya.



21 JUN, 2020

## 1,801 premis dipantau

---

Mingguan Sarawak, Malaysia

Page 2 of 2

### SUMMARIES

ALEXANDRA LORNA KUCHING: Sehingga kini sebanyak 1,801 premis telah dipantau di seluruh Sarawak bagi pematuhan terhadap Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) bermula 10 Jun hingga 31 Ogos 2020. Sekretariat Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN) berkata, jumlah tersebut merangkumi pasar raya (219), restoran (341), kilang (24), bank (175), pejabat kerajaan (81), penjaja (22), pasar tani dan awam (83), tempat ibadah (110), tempat riadah (50), tapak pembinaan (34) dan lain-lain (662).